

2 rumah nyaris hanyut tebing sungai runtuh

PERISYTIHARAN JUALAN DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ALOR SETAR DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN SAMAN PEMULA NO: 24(A)-1495-2008 (MT2) PERMOHONAN UNTUK PELAKSANAAN NO: 38-674-2009

Dalam perkara mengenai sebidang tanah yang terkandung dalam HSM 6519/1989, P.T No. 16998, Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman berserta sebuah rumah yang didirikan di atasnya.

Dan
Dalam perkara mengenai Gadaian Persewaan No. 6888/2002

Dan
Dalam perkara mengenai Seksyen 256 Kanun Tanah Negara, 1965.

Dan
Dalam perkara Sijil Rujukan di bawah Seksyen 265 (3) (b) Kanun Tanah Negara 1965.

DAN
Dalam Perkara Aturan 83, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980.

ANTARA
EON CAP ISLAMIC BANK BERHAD (715426-H)

DAN

... PLAINTIFF

1. THANGARAJU A/L GOVINDARAJU

2. SHUMATHI A/P MUNIANDY

... DEFENDAN-DEFENDAN

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah yang diperbuat pada 17hb. Oktober, 2010 adalah dengan ini disyitahkan bahawa Timbalan Pendafatar Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah dengan dibantu oleh Jurulelong yang tersebut di bawah ini:-

AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM
PADA HARI ISIN, 29HB. NOVEMBER, 2010 PADA JAM 10.00 PAGI
DI BILIK LELONG KOMPLEKS MAHKAMAH ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

NOTA : Bakal-bekal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hak Milik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong.

BUTIR-BUTIR HAK MILIK

NO. HAK MILIK : HSM 11292
NO. LOT : PT 16998
KAWASAN : LADANG PKKN
DAERAH / BANDAR : KUALA MUDA / SUNGAI PETANI
NEGERI : KEDAH DARUL AMAN
KATEGORI KEGUNAN TANAH : BANGUNAN
KELUASAN : 111'4837 METER PERSEGI (1200 KAKI PERSEGI)
CUKAI TAHUNAN : RM50.00
TARAF PEGANGAN : SELAMA-LAMANYA (BEBAS)
SYARAT NYATA : RUMAH TERES KOS RENDAH

Tanah yang terkandung dalam hak milik ini hendaklah digunakan sebagai tapak untuk satu bangunan untuk kediaman sahaja.

HAK MILIK BERDAFTAR : 1. THANGARAJU A/L GOVINDARAJU (NO. K/P: 721106-02-5231)

- 1/2 bahagian
2. SHUMATHI A/P MUNIANDY (NO. K/P: 770831-07-7700)

SEKATAN KEPENTINGAN : 1/2 bahagian
Ditengah-tengah tanah membuat sebarang perkiraan (dealings) di atas tanah yang hendak dimajukan sebagai tapak perumahan itu melainkan tuan tanah bina dan pelihara simpanan jalan itu dan taruh batu dan tar

menurut taraf Jabatan Kerja Raya atau ada jaminan daripada Penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan dan parit-parit itu dapat disempurnakan.

BEBANAN : Didagalkan kepada EON BANK BERHAD melalui Persn No. 6338/2002, bertarikh 3 Oktober 2002.

LOKASI DAN PERIHAI HARTANAH

Hartanah tersebut terletak di Lorong Boria 2, Taman Ria Jaya, Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Ia terletak

JITRA 18 Nov. – Dua buah rumah di Kampung Hilir, Kepala Batas, dekat sini hampir dihanyutkan air apabila tebing Sungai Kedah runtuh dalam satu kejadian malam semalam.

Dalam kejadian pada kira-kira pukul 8 malam itu, tebing kira-kira 100 meter panjang dan enam meter luas itu runtuh hingga hampir terkena bahagian dapur salah sebuah rumah berkenaan.

Bagaimanapun, kira-kira lapan penghuni kedua-dua rumah itu sempat keluar menyelamatkan diri.

Kejadian itu dipercayai kesan daripada banjir yang turut melanda kampung tersebut yang mana air naik sehingga paras hampir satu meter.

Beberapa batang pokok seperti kuinin, kekabu, kelapa dan rambutan yang terletak di tebing yang runtuh itu dipercayai telah dapat mengelakkan runtuhan yang lebih dahsyat.

Runtuhan itu juga menyebabkan jalan ke surau di kampung berkenaan tidak boleh dilalui oleh kereta.

Penghuni rumah, Siti Hajar Darus, 56, berkata, beliau terdengar deruan bunyi bising serta dahan pokok patah pada kira-kira pukul 8 malam.

Katanya, beliau segera membawa anak istimewa, Nurulhayati Ishak, 21, yang tinggal bersamanya, keluar dari rumah itu kerana bimbang dengan keselamatan mereka.

“Saya tidak berani melihat kawasan yang runtuh itu kerana ia terletak kira-kira empat meter dari rumah,” katanya yang ditemui di rumahnya, hari ini.

Beliau berkata, sebelum itu hujan lebat selama kira-kira sejam pada pukul 5 petang.

Menurutnya, pada masa ini, beliau menumpang di rumah seorang anaknya di Taman Tunku Sarina, di Alor Setar kerana bimbang tebing sungai itu akan terus runtuh.

Pemandu lori, Razman Ismail, 38, yang menyewa rumah bersebelahan rumah Siti Hajar berkata, bahagian dapur rumah itu hampir terkena runtuhan tersebut dan kini tidak selamat untuk didiami.

Menurutnya, selepas banjir surut pada awal minggu lalu, terdapat kesan rekahan tanah pada tebing yang runtuh itu.

“Saya bimbang tebing itu akan terus runtuh kerana pada masa ini terdapat kesan mata air pada tebing berkenaan,” katanya.



RAZMAN Ismail menunjukkan hakisan tebing sungai berhampiran dapur rumahnya di Kepala Batas, Jitra, semalam. – UTUSAN/HALIM KHALID

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI PULAU PINANG DALAM KEBANKRAPAN NO: 29-347-TAHUN 2010

PER:
AHMAD NADZRI BIN ASMUNI (NO. K/P: A 2848954 / 740923-08-5713)

... PENGHUTANG PENGHAKIMAN

EX-PARTE:
MAJLIS AMANAH RAKYAT

... PEMIUTANG PENGHAKIMAN

NOTIS

(Dalam Perkara Notis Kebankrapan yang dikeluarkan pada 22.2.2010 dan telah dilanjutkan masa untuk penyampaian Notis Kebankrapan tersebut yang telah luput pada 22.5.2010 selama 12 bulan iaitu dari 23.5.2010 sehingga 22.5.2011 melalui Perintah Mahkamah